

## BAB IV: DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan rumusan dapatan kajian daripada keputusan soal-selidik berkenaan sikap dan penilaian pelajar terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia(STPM) berasaskan 120 orang pelajar dari empat buah sekolah di empat buah zon Semenanjung Malaysia iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Timur, dan Zon Selatan. Bahagian ini turut memuatkan analisis keputusan peperiksaan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM yang dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia(MPM) dari tahun 1992-1997 dan rumusan temu bual daripada pakar-pakar mata pelajaran(pensyarah-pensyarah universiti tempatan) berserta guru-guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM dari empat zon yang terpilih itu. Penelitian dan perincian pengkaji terhadap Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM 1992-1997 turut dikemukakan.

Malah, turut diperincikan ialah rumusan daripada enam orang Ketua Pemeriksa mata pelajaran Kesusasteran Melayu(922) STPM yang terlibat langsung dengan mata pelajaran ini berkenaan dengan dapatan kajian terhadap prestasi calon. Tidak ketinggalan juga satu rumusan terhadap kekuatan dan kelemahan respon calon turut dikemukakan oleh pengkaji, di samping syor pembaik pulih terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM ini.

Huraian berkenaan dengan persoalan, implikasi, dan aspek penilaian dalam pengajaran mata pelajaran Kesusastraan Melayu(922) STPM ini turut dikemukakan oleh pengkaji hasil daripada dapatan kajian tersebut

## **Keputusan Daripada Soal-selidik Pelajar**

Soal-selidik ini berasaskan 120 orang pelajar dari empat buah sekolah di empat zon Semenanjung Malaysia iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Timur, dan Zon Selatan. Bentuk soal-selidiknya (lihat **Lampiran E**) Setiap zon dipilih 30 orang pelajar yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM ini. **Jadual 2** di bawah adalah keputusan yang diperolehi.

Jadual 2

**Keputusan Soal Selidik Pelajar Dari Empat Zon Berdasarkan Pelbagai Isu Mata Pelajaran Kesusastraan Melayu Berdasarkan Skala 4 mata: Sangat Setuju (4), Setuju (3), Tidak Setuju (2), dan Tidak Pasti (1)**

Skala 4 mata:      1      2      3      4

(Bilangan pelajar)

- |  |   |    |    |    |
|--|---|----|----|----|
| 1. Saya berminat terhadap mata pelajaran<br>Kesusasteraan Melayu?  | 3 | 4  | 32 | 81 |
| 2. Saya menganggap mata pelajaran<br>Kesusasteraan Melayu adalah mata<br>pelajaran yang mudah dalam peperiksaan<br><br>STPM. | 4 | 11 | 27 | 78 |

Skala 4 mata: 1 2 3 4

(Bilangan pelajar)

- |  |    |     |    |    |
|--|----|-----|----|----|
| 3. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini merupakan mata pelajaran yang kabur bagi saya.  | 8  | 108 | 2  | 2  |
| 4. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini mengandungi banyak isi yang tersirat dengan perkataan yang sukar untuk difahami. Ini memeningkan kepala saya. | 6  | 110 | 2  | 2  |
| 5. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini kurang berfaedah dalam kehidupan kita dan hanya membuang masa sahaja.   | 10 | 91  | 14 | 5  |
| 6. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini membebankan kerana teks kajiannya yang luas dan kertas yang mesti diambil banyak (wajib tiga kertas).         | 9  | 65  | 35 | 11 |
| 7. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini sangat menjemuhan saya.   | 9  | 103 | 6  | 2  |
| 8. Bahan-bahan dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini adalah hasil karya yang mengkhayalkan dan selalu  |    |     |    |    |

Skala 4 mata: 1 2 3 4

(Bilangan pelajar)

- menjadikan saya bingung untuk memahaminya. 8 100 8 4
9. Apabila tiba waktu guru mengadakan ujian mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di dalam kelas, saya sering rasa gelisah. 9 101 7 3
10. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu tidak mempunyai hala tuju yang jelas untuk masa hadapan saya. 10 91 14 5
11. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu memberikan pengalaman yang baru dalam kehidupan saya? 11 9 28 72
12. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu boleh memberikan gambaran atau keadaan sesuatu bangsa dan masyarakat pada zaman itu. 4 2 24 90
13. Bahan-bahan Kesusasteraan Melayu sering mendapat tempat di majalah dan akhbar-akhbar tempatan. Dengan membacanya, dapat memberikan satu

Skala 4 mata:      1      2      3      4

(Bilangan pelajar)

pengalaman yang indah dan menambah daya kreatif pemikiran kita. Ini adalah disebabkan oleh bahasa yang digunakan oleh pengarang memerlukan kekreatifan pemikiran untuk menilainya.

3      2      20      95

14. Adalah menjadi satu kerugian kepada saya, jika saya tidak berada di dalam kelas semasa mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dijalankan.      4      3      30      83
15. Tanpa mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, cara kita menyusun kata dan berbahasa adalah hambar dan tidak menarik.      3      2      38      77
16. Tema-tema yang berteraskan semangat patriotisme adalah tema-tema yang paling saya gemari.      11      27      49      33
17. Dengan mempelajari mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, ia dapat memberikan kesedaran kepada saya tentang perasaan orang lain.      3      3      28      86

Skala 4 mata: 1 2 3 4

(Bilangan pelajar)

18. Banyak persoalan hidup yang ditonjolkan oleh pengarang sastera telah membantu saya untuk mengatasi masalah yang saya hadapi dalam kehidupan seharian. 4 6 63 47
19. Bahan Kesusasteraan Melayu kita hari ini adalah setanding dan berkualiti dengan bahan-bahan kesusasteraan dunia yang lain. 30 73 12 5
20. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu adalah pelajaran yang sangat indah dan menarik jika di bandingkan dengan mata pelajaran STPM yang lain. 15 33 42 30
21. Hasil-hasil karya Kesusasteraan Melayu adalah kebanyakannya hasil karya pengalaman pengarang sendiri. 13 20 29 58
22. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini haruslah digabungkan semula dalam mata pelajaran Bahasa Melayu seperti sebelum tahun 1991. 17 61 23 19

### Dapatkan Kajian Daripada Keputusan Soal-selidik Pelajar

Ternyata daripada keputusan soal-selidik ini, dapatan kajian menunjukkan sekitar 67.5% sangat setuju dan 26.7% setuju, iaitu sejumlah 94.2% daripada pelajar memang meminati mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM dan kelompok ini juga telah menganggap mata pelajaran ini bukan sahaja mudah untuk peperiksaan STPM tetapi juga menjadi praktis kepada mereka untuk mendalami keperitan orang lain dan dapat berbahasa dengan lebih baik. Mereka tetap menyanjung tinggi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini dan berasa seronok walau pun cara penyampaian guru masih berbentuk *talk and chalk* tetapi penghayatan dalam mata pelajaran ini sudah cukup membawa mereka untuk meneroka bahan bacaan kesusasteraan yang lain secara sendirian atau berkelompok. Bagi mereka, rata-rata bersetuju mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini membawa satu perubahan lain dalam pembelajaran mereka di sekolah jika dibandingkan dengan mata pelajaran STPM yang lain.

Yang nyata, dapatan kajian juga menunjukkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini merupakan mata pelajaran yang menyentuh aspek-aspek rohani dan emosi pelajar itu sendiri sama ada mereka merasa seronok, pening, gelisah, rugi mahupun indah. Jika guru berupaya menyelami domain afektif ini, pelajar turut terbuai dan menusuk masuk setiap intipati mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini ke dalam kognitif mereka. Para pelajar juga mengakui bahawa banyak bahan Kesusasteraan Melayu kini diberikan pendedahan yang cukup baik oleh akhbar dan majalah iaitu 79.2% sangat setuju dan 16.7% setuju iaitu sejumlah 95.9%. Kelompok ini sangat akur bahawa cara ini mereka juga berupaya untuk menyumbang kekreatifan mereka di samping mendapat wang saku

secara kecil-kecilan asal sahaja mempunyai bakat, kerajinan, dan bimbingan yang sempurna dari guru sastera.

Justeru itu, dapatan kajian juga telah menunjukkan 50.8% pelajar tidak setuju mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini digabungkan semula dalam mata pelajaran Bahasa Melayu manakala 14.1% tidak pasti. Namun demikian, hampir separuh pelajar gemar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM menjadi mata pelajaran bertaraf Prinsipal yang tersendiri dalam STPM kerana mereka dapat meneroka keputusan Prinsipal dari mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan juga Bahasa Melayu secara berasingan.

Dapatan kajian juga mendapat 75.8% tidak setuju untuk menyatakan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM ini tiada hala tuju yang jelas. Rata-rata mereka kesal dengan *label* sedemikian, seolah-olah pelajar yang mengambil mata pelajaran ini dikategorikan sebagai *second class*. Ini tidak sepatutnya berlaku dalam wawasan untuk membina bangsa Malaysia. Malah, melalui mata pelajaran inilah, ramai pelajar dapat menjadi penulis, wartawan, guru, pensyarah, editor, juru acara bahkan Sasterawan Negara. Yang jelas, matlamat mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini hanya dirasai untuk tempoh jangka masa panjang dan memang tidak ketara untuk tempoh yang singkat sahaja. Namun, ia tetap menyumbang ke arah pembinaan generasi yang berakhhlak dan ini jelas hala tujunya.

Selain daripada itu, dapatan kajian juga menunjukkan selain kerana minat terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini, teks yang dikemukakan ternyata cukup dapat mendidik mereka dari segi teladan yang tersirat dan kandungan mata pelajaran ini pula jauh lebih berharga dalam hal-hal instrinsik dan ekstrinsiknya seperti tabiat watak, kehidupan masyarakat yang pelbagai ragam yang tergambar di dalam cerekannya, loghat yang digunakan, selain daripada teknik-teknik strukturalnya seperti tema, persoalan, plot, gaya bahasa, dan lain-lain lagi. Ini terangkum hanya melalui satu mata pelajaran iaitu Kesusasteraan Melayu dan ia terbukti dengan 71.7% sangat setuju dan 23.3% setuju yang membawa sejumlah akur setuju 95%. (Lihat **Jadual 3** di bawah).

**Jadual 3**

**Peratus Pelajar Dan Taburan Kekerapan Daripada 120 Orang Pelajar Berdasarkan Empat Zon Iaitu Zon Utara, Tengah, Timur, Dan Selatan Dengan Setiap Zon Sejumlah 30 Orang Berdasarkan Isu-isu Popular Kesusasteraan Melayu**

Bil.	Isu	Peratus pelajar dan taburan kekerapan			
		Tidak pasti (1)	Tidak setuju (2)	Setuju (3)	Sangat setuju (4)
1.	Meminati mata pelajaran Kesusasteraan Melayu	2.5% (3)	3.3% (4)	26.7% (32)	67.5% (81)
2.	Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu menyentuh rohani dan emosi pelajar	2.5% (3)	2.5% (3)	23.3% (28)	71.7% (86)
3.	Kesusasteraan Melayu mendapat tempat yang baik di majalah dan akhbar	2.5% (3)	1.6% (2)	16.7% (20)	79.2% (95)
4.	Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (922) STPM digabung semula dengan Bahasa Melayu STPM	14.1% (17)	50.8% (61)	19.2% (23)	15.9% (19)
5.	Kesusasteraan Melayu mendidik hal-hal tersirat dan penuh teladan	2.5% (3)	2.5% (3)	23.3% (28)	71.7% (86)
6.	Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu tidak mempunyai hala tuju yang jelas	8.3% (19)	75.8% (91)	11.7% (14)	4.2% (5)

**Nota:** Angka tanpa kurungan menunjukkan peratus.  
Angka dalam kurungan menunjukkan kekerapan.

## **Analisis Keputusan Peperiksaan Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM 1992-1997**

Berhubung dengan pencapaian prestasi calon mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM pula, analisis keputusan peperiksaannya telah pengkaji ambil dari tahun 1992 hingga tahun 1997 berdasarkan laporan dan data keputusan peperiksaan yang dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).

Tempoh waktu yang sedemikian dipilih kerana ianya merupakan titik tolak perubahan sukanan lama yang hanya kekal sehingga tahun 1991 sahaja. Di waktu itu, Kesusasteraan Melayu hanya menjadi sebahagian daripada Bahasa Melayu iaitu dimuatkan dalam Kertas 2: Bahasa Melayu. Namun demikian, bermula pada tahun 1992 ia telah diasingkan menjadi dua mata pelajaran berbeza yang bertaraf Prinsipal iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu dan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Manakala pemilihan tempoh sehingga tahun 1997 adalah tempoh terakhir sukanan yang sedia ada ini kerana pada tahun 1998 telah dilancarkan satu lagi sukanan Kesusasteraan Melayu yang baru.

### **Analisis Keputusan Peperiksaan Kesusasteraan Melayu(922) STPM Tahun 1997**

Seramai 16 590 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini pada tahun 1997 berbanding dengan 21 272 calon pada tahun 1996, iaitu pengurangan sebanyak 4682 calon atau 22.01%. Berhubung dengan bilangan calon yang nampaknya semakin berkurangan saban tahun adalah kerana beberapa faktor yang sukar hendak diramalkan.

Ramai responden dan guru-guru mata pelajaran Kesusasteran Melayu yang di temui bual menyatakan faktor penetapan pemilihan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu merupakan punca sebabnya.<sup>7</sup> Dapatan kajian menunjukkan ramai pelajar mengambil mata pelajaran ini apabila guru sastera mereka terlibat dalam memberikan inisiatif yang kuat dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini di sekolah. Selepas itu barulah pemilihan ini jatuh kepada penetapan Pengetua sekolah, kemudiannya oleh Jabatan Pendidikan Negeri atau Pejabat Pendidikan Daerah. Kebenaran ini sukar hendak ditolak kerana kedapatan sekolah-sekolah yang sanggup menawarkan mata pelajaran ini tetapi kekangan dari segi mendapatkan guru yang benar-benar arif dan berminat adalah satu masalah di pihak sekolah. Selain daripada faktor itu, tarikan daripada mata pelajaran STPM lain turut memainkan peranannya yang penting khususnya dari segi bilangan buku kajian yang mesti ditelaah, kandungan sukatan sama ada skopnya terlalu umum ataupun terlalu luas, bilangan kertas yang ditawarkan oleh satu-satu mata pelajaran, jangkamasa peperiksaan bagi satu-satu kertas, dan sejarah kecemerlangan mata pelajaran tertentu di tahun-tahun sebelumnya. Namun demikian, apabila mereka telah lulus dan menjelaskan kakinya ke universiti mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM ini nyata telah banyak membantu mereka dalam pemilihan kursus-kursus yang ditawarkan oleh pihak universiti.

Berbalik kepada prestasi keseluruhan calon pada tahun 1997 untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM ini, analisis kajian menunjukkan sedikit penurunan. Peratusan calon melonggok bagi gred A hingga ke gred E telah menurun sebanyak 4.1%, iaitu daripada 49.49% pada tahun 1996 kepada 45.39% pada tahun 1997. Namun demikian, tahap prestasi calon melonggok sekolah bagi gred A hingga gred E telah

meningkat sedikit, iaitu sebanyak 0.59%, iaitu daripada 60.64% pada tahun 1996 kepada 61.23% pada tahun 1997.

Perbandingan keseluruhan prestasi calon melonggok pada tahun 1997 dengan prestasi calon melonggok pada tahun 1996 bagi mata pelajaran ini untuk setiap kertas dari gred 1 hingga ke gred 6 adalah seperti berikut.

- (a) Kertas 1 – kertas wajib (Karya Agung), 1997: 49.06%, 1996: 50.47% – menurun sebanyak 1.41%,
- (b) Kertas 2 (Sastera Lama I), 1997: 49.77%, 1996: 52.60%, – menurun sebanyak 2.83%,
- (c) Kertas 3 (Sastera Lama II), 1997: 50.49%, 1996: 52.51%, – menurun sebanyak 2.02%,
- (d) Kertas 4 (Puisi Baru), 1997: 49.51%, 1996: 41.47%, – meningkat sebanyak 8.04%,
- (e) Kertas 5 (Prosa Baru), 1997: 51.10%, 1996: 52.73%, – menurun sebanyak 1.63%, dan
- (f) Kertas 6 (Drama), 1997: 53.99%, 1996: 54.56%, – menurun sebanyak 0.57%.

Kertas Kesusasteraan Melayu ini yang memasuki tahun keenam pada tahun 1997 yang juga merupakan tahun akhir untuk sukanan ini kerana pada tahun 1998 akan menggunakan sukanan Kesusasteraan Melayu yang baru telah menunjukkan prestasi

calon pada tahap yang kurang memuaskan. Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti **Jadual 4** di bawah.

**Jadual 4**

**Peratusan Pencapaian Gred Pelajar Kesusastraan Melayu(922) SPM 1997**

Gred	A	B	C	D	E	R	F
<b>Peratusan</b>	1.75	3.18	8.69	14.18	17.59	37.92	16.69

*Sumber:* Majlis Peperiksaan Malaysia, (1998). *Laporan Peperiksaan SPM 1997 Jilid 1 Mata Pelajaran Jurusan Sastera*. Petaling Jaya: Addison Wesley Longman Malaysia Sdn Bhd. (Lihat Lampiran C)

**Analisis Keputusan Peperiksaan Kesusastraan Melayu(922) SPM Tahun 1996**

Seramai 21 272 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini pada tahun 1996 berbanding dengan 23 229 calon pada tahun 1995, iaitu pengurangan calon sebanyak 1957 orang atau 8.42%. Namun demikian, analisis kajian menunjukkan prestasi keseluruhan calon melonggok bagi tahun 1996 untuk mata pelajaran ini menunjukkan peningkatan. Peratusan calon dari gred A hingga ke gred E telah meningkat sebanyak 7.71%, iaitu daripada 41.78% pada tahun 1995 kepada 49.49% bagi tahun 1996. Begitu juga pada tahap prestasi calon sekolah. Peratusan calon melonggok sekolah dari gred A hingga ke gred E telah meningkat sebanyak 7.65%, iaitu daripada 52.99% pada tahun 1995 kepada 60.64% bagi tahun 1996.

Perbandingan keseluruhan prestasi calon melonggok pada tahun 1996 dengan prestasi calon melonggok pada tahun 1995 bagi mata pelajaran ini untuk setiap kertas dari gred 1 hingga ke gred 6 adalah seperti yang berikut.

- (a) Kertas 1 – kertas wajib (Karya Agung), 1996: 50.47%, 1995: 46.18%, – meningkat sebanyak 4.29%,
- (b) Kertas 2 (Sastera Lama I), 1996: 52.60%, 1995: 46.60%, – meningkat sebanyak 6.00%,
- (c) Kertas 3 (Sastera Lama II), 1996: 52.51%, 1995: 47.04%, – meningkat sebanyak 5.47%,
- (d) Kertas 4 (Puisi Baru), 1996: 41.47%, 1995: 45.04%, – menurun sebanyak 3.57%,
- (e) Kertas 5 (Prosa Baru), 1996: 52.73%, 1995: 48.95%, – meningkat sebanyak 3.78%, dan
- (f) Kertas 6 (Drama), 1996: 54.56%, 1995: 50.41%, – menurun sebanyak 4.15%.

Secara keseluruhan, kertas Kesusasteraan Melayu ini yang memasuki tahun kelima pada tahun 1996 ini menunjukkan prestasi calon pada tahap yang baik. Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti **Jadual 5** di bawah.

**Jadual 5**

**Peratusan Pencapaian Gred Pelajar Kesusasteraan Melayu(922) STPM 1996**

Gred	A	B	C	D	E	R	F
Peratusan	2.14	3.58	9.84	15.57	18.36	36.18	14.33

Sumber: Majlis Peperiksaan Malaysia, (1997). *Laporan Peperiksaan STPM 1996 Jilid 1 Mata Pelajaran Jurusan Sastera*. Subang: Federal Publications Sdn Bhd. (Lihat Lampiran C)

### **Analisis Keputusan Peperiksaan Kesusasteraan Melayu(922) STPM Tahun 1995**

Seramai 23 229 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini pada tahun 1995 berbanding dengan 21 717 calon pada tahun 1994, iaitu peningkatan calon sejumlah 1512 orang atau 6.96%. Namun demikian, analisis kajian menunjukkan prestasi keseluruhan calon melonggok bagi tahun 1995 untuk mata pelajaran ini menunjukkan penurunan. Peratusan calon melonggok dari gred A hingga ke gred E telah menurun sebanyak 1.47%, iaitu daripada 43.22% pada tahun 1994 kepada 41.75% bagi tahun 1995. Begitu juga pada tahap prestasi calon sekolah. Peratusan calon melonggok sekolah dari gred A hingga ke gred E telah menurun sebanyak 5.14%, iaitu daripada 58.08% pada tahun 1994 kepada 52.94% bagi tahun 1995.

Perbandingan keseluruhan prestasi calon melonggok pada tahun 1995 dengan prestasi calon melonggok pada tahun 1994 bagi mata pelajaran ini untuk setiap kertas dari gred 1 hingga ke gred 6 adalah seperti yang berikut.

- (a) Kertas 1 – kertas wajib (Karya Agung), 1995: 46.18%, 1994: 43.40%, – meningkat sebanyak 2.78%,
- (b) Kertas 2 (Sastera Lama I), 1995: 46.60%, 1994: 50.50%, – menurun sebanyak 3.90%,
- (c) Kertas 3 (Sastera Lama II), 1995: 47.04%, 1994: 50.19%, – menurun sebanyak 3.15%,
- (d) Kertas 4 (Puisi Baru), 1995: 45.04%, 1994: 47.44%, – menurun sebanyak 2.40%,

- (e) Kertas 5 (Prosa Baru), 1995: 48.95%, 1994: 44.59%, – meningkat sebanyak 4.36%, dan
- (f) Kertas 6 (Drama), 1995: 50.41%, 1994: 44.01%, – meningkat sebanyak 6.40%.

Secara keseluruhan, kertas Kesusasteraan Melayu ini yang memasuki tahun keempat pada tahun 1995 ini menunjukkan prestasi calon pada tahap sederhana sahaja. Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti **Jadual 6** di bawah.

**Jadual 6**

**Peratusan Pencapaian Gred Pelajar Kesusasteraan Melayu(922) STPM 1995**

Gred	A	B	C	D	E	R	F
Peratusan	1.60	2.65	7.89	13.58	16.03	41.76	16.49

Sumber: Majlis Peperiksaan Malaysia, (1996). *Laporan Peperiksaan STPM 1995 Jilid 1, Mata Pelajaran Jurusan Sastera*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn Bhd. (Lihat **Lampiran C**)

**Analisis Keputusan Peperiksaan Kesusasteraan Melayu(922) STPM Tahun 1994**

Seramai 21 717 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini berbanding dengan 21 522 calon pada tahun 1993, iaitu peningkatan calon sebanyak 195 orang atau 0.91%. Analisis kajian menunjukkan prestasi calon juga menunjukkan sedikit peningkatan. Peratusan calon melonggok yang mendapat gred A hingga gred E meningkat sebanyak 0.16% iaitu daripada 43.06% tahun 1993 kepada 43.22% bagi tahun 1994. Prestasi calon sekolah juga menunjukkan sedikit peningkatan. Calon melonggok

yang mendapat gred A hingga gred E bagi tahun 1993 ialah 56.23% berbanding dengan 58.08% pada tahun 1994; iaitu peningkatan sebanyak 1.85%.

Perbandingan keseluruhan prestasi calon melonggok pada tahun 1994 dengan prestasi calon melonggok pada tahun 1993 bagi mata pelajaran ini untuk setiap kertas dari gred 1 hingga ke gred 6 adalah seperti yang berikut.

- (a) Kertas 1 – kertas wajib (Karya Agung), 1994: 43.40%, 1993: 45.88%, – menurun sebanyak 2.48%,
- (b) Kertas 2 (Sastera Lama I), 1994: 50.50%, 1993: 50.06%, – meningkat sebanyak 0.44%,
- (c) Kertas 3 (Sastera Lama II), 1994: 50.19%, 1993: 48.33%, – meningkat sebanyak 1.86%,
- (d) Kertas 4 (Puisi Baru), 1994: 47.44%, 1993: 45.41%, – meningkat sebanyak 2.03%,
- (e) Kertas 5 (Prosa Baru), 1994: 44.59%, 1993: 47.35%, – menurun sebanyak 2.76%, dan
- (f) Kertas 6 (Drama), 1994: 44.01%, 1993: 49.51%, – menurun sebanyak 5.50%.

Secara amnya, kertas Kesusasteraan Melayu ini yang memasuki tahun ketiga ini menunjukkan prestasi calon yang memuaskan. Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti **Jadual 7** di sebelah.

### Jadual 7

#### Peratusan Pencapaian Gred Pelajar Kesusastraan Melayu(922) STPM 1994

Gred	A	B	C	D	E	R	F
<b>Peratusan</b>	1.41	2.60	7.60	14.22	17.39	38.70	18.08

*Sumber:* Majlis Peperiksaan Malaysia, (1995). *Laporan Peperiksaan STPM 1994 Jilid 1 Mata Pelajaran Jurusan Sastera.* Subang: Federal Publication Sdn Bhd. (Lihat Lampiran C)

#### Analisis Keputusan Peperiksaan Kesusastraan Melayu(922) STPM Tahun 1993

Seramai 21 522 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini berbanding dengan 21 718 calon pada tahun 1992, iaitu pengurangan calon sebanyak 196 orang atau 0.90%. Kertas Kesusastraan Melayu yang memasuki tahun kedua menunjukkan prestasi calon yang kurang memuaskan. Analisis kajian menunjukkan prestasi calon melonggok bagi tahun 1993 secara keseluruhannya merosot sedikit sebanyak 0.08% berbanding dengan prestasi calon tahun 1992. Peratusan calon melonggok yang mendapat gred A hingga gred E bagi tahun 1993 ialah 56.23%, gred R ialah 35.61%, dan gred F ialah 8.16%.

Perbandingan keseluruhan prestasi calon melonggok pada tahun 1993 dengan prestasi calon melonggok pada tahun 1992 bagi mata pelajaran ini untuk setiap kertas dari gred 1 hingga ke gred 6 adalah seperti yang berikut.

- (a) Kertas 1 – kertas wajib (Karya Agung), 1993: 45.88%, 1992: 46.62%, – menurun sebanyak 0.74%,
- (b) Kertas 2 (Sastera Lama I), 1993: 50.06%, 1992: 52.79%, – menurun sebanyak 2.73%,

- (c) Kertas 3 (Sastera Lama II), 1993: 48.33%, 1992: 54.35%, – menurun sebanyak 6.02%,
- (d) Kertas 4 (Puisi Baru), 1993: 45.41%, 1992: 48.46%, – menurun sebanyak 3.05%,
- (e) Kertas 5 (Prosa Baru), 1993: 47.35%, 1992: 47.12%, – meningkat sebanyak 0.23%, dan
- (f) Kertas 6 (Drama), 1993: 49.51%, 1992: 48.55%, – meningkat sebanyak 0.96%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti **Jadual 8** di bawah.

**Jadual 8**

**Peratusan Pencapaian Gred Pelajar Kesusasteraan Melayu(922) STPM 1993**

Gred	A	B	C	D	E	R	F
<b>Peratusan</b>	1.27	3.01	8.07	14.23	16.48	39.46	17.48

*Sumber:* Majlis Peperiksaan Malaysia, (1994). *Laporan Peperiksaan STPM 1993 Jilid 1 Mata Pelajaran Jurusan Sastera*. Petaling Jaya: Pustaka Delta Pelajaran Sdn Bhd. (Lihat Lampiran C)

**Analisis Keputusan Peperiksaan Kesusasteraan Melayu(922) STPM Tahun 1992**

Seramai 21 718 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini. Memandangkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini merupakan mata pelajaran peperiksaan yang baru diperkenalkan pada tahun ini, prestasi calon agak sukar untuk dibuat perbandingan. Namun demikian, secara keseluruhan analisis kajian menunjukkan prestasi calon melonggok adalah sederhana. Peratusan calon melonggok yang mendapat gred A hingga E ialah 43.09%, gred R ialah 38.67%, dan gred F ialah 18.24%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred untuk tahun 1992 adalah seperti **Jadual 9** di sebelah.

**Jadual 9**

**Peratusan Pencapaian Gred Pelajar Kesusasteraan Melayu(922) STPM 1992**

Gred	A	B	C	D	E	R	F
<b>Peratusan</b>	1.09	3.24	8.41	14.13	16.22	38.67	18.24

*Sumber:* Majlis Peperiksaan Malaysia, (1993). *Laporan Peperiksaan STPM 1992 Jilid 1 Mata Pelajaran Jurusan Sastera*. Petaling Jaya: Pustaka Delta Pelajaran Sdn Bhd. (Lihat **Lampiran C**)

**Temu Bual Dengan Pakar-Pakar Mata Pelajaran(pensyarah-pensyarah universiti tempatan) Berserta Guru-guru Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM Dari Empat Zon**

**Rumusan Profesor Dato' Dr HA(UM)**

Beliau menjelaskan sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM ini tiada bezanya dengan sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia(SPM), iaitu mengkaji teks semata-mata. Beliau melahirkan rasa kesalnya tentang teks Indonesia dimuatkan bersama seperti antologi puisi *Nyanyi Sunyi* dan novel *Salah Asuhan*. Beliau menjelaskan teks-teks Sasterawan Negara tidaklah juga semuanya baik seperti antologi cerpen *Debu Merah* kerana ia tidak sesuai untuk para pelajar. Beliau mencadangkan kajian-kajian seperti "Asas Pengenalan Sastera" dan "Latar belakang Sejarah Perkembangan Sastera" harus dimasukkan dalam sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu kerana bahagian ini akan menjadi asas kepada pelajar dan tidaklah nanti mereka terkejut apabila disuruh mengkaji teks.

### **Rumusan Profesor Madya Dr. SAB(UKM)**

Beliau menyatakan Kertas 2(Sastera Lama I) dan Kertas 3(Sastera Lama II) haruslah digabungkan kerana terdapat ‘duplikasi’. Beliau menyarankan agar adanya kajian “Sejarah dan Kritikan Sastera” dan hal ini boleh digantikan dengan Kertas 3 yang sedia ada. Alternatif kedua bagi beliau , dicadangkan Kertas 2 dikaji Prosa Lama semata-mata mana kala Kertas 3 dikaji Puisi Lama sahaja.

### **Rumusan Prof Madya Dr. MSMS(UKM)**

Beliau berpendapat kajian sastera Melayu haruslah berbeza dengan kajian sastera Inggeris. Sastera Melayu harus bertolak dari semangat nasionalisme. Jika dilihat sukatan pelajaran sedia ada ia hanya satu panorama umum dan tiada kajian sejarah perkembangan sastera. Ini merupakan satu kejutan kepada calon apabila disuruh mengkaji teks semata-mata. Beliau juga menyatakan teks dalam Karya Agung(Kertas 1) ditakuti kerana terlalu tebal mana kala teks dalam Kertas 5 dicanai daripada kurikulum lama. Beliau menyarankan agar sukatan sedia ada dirombak dengan memasukkan Sejarah Sastera Lama dan Baru, Karya-karya Tradisional, Karya-karya Moden, dan Non-kreatif(Teori dan Kritikan).

### **Rumusan Profesor Dato’ Dr. SHS(UKM)**

Beliau kesal sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu yang sedia ada tiada sejarah perkembangan sastera. Kajian teks *Sejarah Melayu* pula adalah dari versi lama(W.G.

Shellabear) dan penyalinan semulanya tidak tepat. Teks *Sejarah Melayu* yang lebih tepat ialah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka(DBP) selenggaraan A. Samad Ahmad. Beliau juga menyatakan kajian teks sastera sejarah didapati bertindih antara Kertas 1(*Sejarah Melayu*) dengan Kertas 3(*Hikayat Merong Mahawangsa*). Beliau menyarankan sukatan pelajaran yang sedia ada memasukkan pengajaran ‘langgam bahasa lama’ iaitu tentang ciri-ciri keindahannya, perbendaharaan, dan intonasinya. Malah, istilah “Teori Kesusasteraan” adalah besar kepada pelajar tingkatan 6 tetapi boleh dilihat sebagai “Asas Pengenalan Kajian Sastera” iaitu berkenaan dengan maksud epik, novel, dan sebagainya.

#### **Rumusan Prof. Madya Dr. RI(UKM)**

Beliau menyatakan matlamat dan objektif yang ada dalam sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM sekarang adalah sesuai tetapi intipati kandungan sukatan pelajarannya perlu dirombak dengan membentuk satu jawatan kuasa lain agar dapat dinilai dan diteliti semula kesesuaianya dalam masa kini. Ini disebabkan kandungan sukatan pelajaran yang sedia ada terlalu menekankan kajian teks dan mengabaikan tokoh-tokoh sastera atau tahap perkembangan sastera tanah air kita.

#### **Rumusan Prof Madya TAK(UPM)**

Beliau bersetuju bahawa sukatan pelajaran yang sedia ada ini perlu diberi nafas baru yang sesuai dengan keadaan sekarang. Malah, penggunaan teks kajian yang sedia ada juga sudah sampai tempoh untuk ditukar kepada teks kajian yang baru. Tambahan, teks-teks kajian yang sedia ada kini agak nipis dan lama untuk terus bertahan sebagai

bahan peperiksaan. Beliau menyarankan teks-teks kajian yang sedia ada tidak perlu tunggu tempoh masa lima tahun baru hendak diganti tetapi berasaskan keperluan semasa dan kehendak kurikulum itu sendiri.

#### **Rumusan Prof. Madya KAK(UM)**

Beliau menyarankan agar Sejarah Perkembangan Sastera dimasukkan sebagai antara kertas utama dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM. Selain itu beliau mencadangkan agar kajian seperti Sejarah Kesusasteraan Melayu, Prosa Lama, Prosa Baru, Puisi, dan Drama terus diusahakan pengkajiannya dan tidak dipinggir langsung.

#### **Rumusan Cikgu A(Dari Sekolah Zon Utara)**

Beliau menyatakan, pada keseluruhannya mutu kertas soalan Kesusasteraan Melayu didapati amat bersesuaian dengan tahap pembelajaran dan pemikiran para pelajar tingkatan 6. Ini disebabkan pemahaman dan penilaianya bersesuaian dengan sukanan pelajaran yang dikemukakan. Perkara-perkara pokok dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu tidak diabaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, maka itu didapati para pelajar memang berjaya meningkatkan penguasaan bahasa, memahami kandungan mata pelajarannya, kehendak soalan, dan yang terpenting kejayaan merencana masa sewaktu menghadapi peperiksaan. Kelemahan yang dikesan ialah dari segi tulisan yang mungkin menyukarkan pemeriksa untuk membaca dan ini menggugat keseluruhan penilaian, juga dikesan dari segi salah tanggap pelajar kerana terlalu gopoh merumuskan sesuatu tajuk tanpa mendalami apa yang dikehendaki oleh soalan, dan yang agak ketara

ialah penghayatan terhadap sesuatu tajuk masih kurang mendalam. Apa juga, persoalan yang timbul, kematangan tahun demi tahun banyak membantu guru dan juga pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini di sekolah.

### **Rumusan Cikgu B(Dari Sekolah Zon Tengah)**

Pada amnya, ramai pelajar Kesusasteraan Melayu gemar membaca. Maka itu penghayatan kepada satu-satu teks amat baik. Hanya mereka mudah bosan untuk mengulangi pembacaan teks-teks kajian yang sama. Apa tah lagi apabila adanya perbezaan watak antara teks *Sejarah Melayu* versi W.G. Shellabear dengan *Hikayat Hang Tuah* sedangkan jalan ceritanya sama. Proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah secara lahiriah memuaskan. Memang terdapat kekurangan dalam menarik pelajar untuk dieksperimenkan di dewan, pentas, luar kelas, atau menggunakan pelbagai alat bantu mengajar. Tetapi proses yang sedemikian beransur-ansur mendapat tempat khususnya di kawasan bandar. Pelajar akan ter dorong lebih aktif jika penilaian kepada hasil usaha mereka dapat diberikan ganjaran dalam bentuk penilaian peringkat sekolah dan tentulah mereka akan berusaha lebih gigih daripada hanya menumpu kepada peperiksaan STPM di akhir tahun.

### **Rumusan Cikgu C(Dari Sekolah Zon Timur)**

Pembahagian soalan-soalan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM ternyata baik mengikut genre-genre yang dikemukakan walau pun agak luas. Pelajar sebenarnya cuba mencari genre yang popular di kalangan umum dan juga sesama rakannya.

Akibatnya, mereka boleh sahaja mengabaikan genre tradisional atau genre moden. Ini sebenarnya merugikan diri pelajar itu kerana mereka akan merasa kekurangan apabila pendedahan di peringkat universiti mula menyusul. Sebabnya asas pembelajarannya di tingkatan enam telah dikesampingkan maka untuk mendalaminya mungkin harus digandakan usaha lagi. Teks-teks yang sedia ada, perlu segera ditukar tanpa melengahkan masa untuk genap lima tahun. Ini disebabkan pelajar mahu sesuatu kelainan daripada apa yang dipelajari oleh senior mereka dan ini akan menwujudkan sifat persaingan yang baik tanpa perlu untuk meniru dan menyalin semula nota-nota yang terdahulu. Malah, idea baru dalam teks baru akan menyegarkan lagi kognitif pelajar untuk menghayati dengan baik mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini.

#### Rumusan Cikgu D(Zon Selatan)

Beliau mendapati, teks-teks Kesusasteraan Melayu yang sedia ada tidak menempatkan para Sasterawan Negara yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan juga dunia pencinta sastera, walau pun karya-karya mereka telah banyak diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa lain. Kedapatan juga dua teks Indonesia yang diberi tempat yang selesa iaitu teks novel *Salah Asuhan* dan teks antologi puisi *Nyanyi Sunyi*. Ini sungguh merugikan kepada karyawan Malaysia yang diiktiraf oleh dunia tetapi tidak diberi tempat yang selesa. Cukuplah dahulu, kita memberi tempat yang terlalu lama kepada novel Indonesia iaitu *Keluarga Gerilya* dan ramai guru-guru sastera yang sedia ada adalah produk daripada teks tersebut yang sebenarnya kurang relevan dengan alam Malaysia. Malah teks-teks yang tersenarai juga haruslah ditapis kesesuaianya dengan tahap pelajar tingkatan enam kerana kedapatan cerita yang agak keterlaluan unsur negatifnya telah

dimuatkan. Memang penafsirannya bergantung kepada individu tetapi penafsiran seni sedemikian janganlah dimulakan di peringkat sekolah melainkan di peringkat universiti yakni sesuai dengan dirinya sebagai gedung ilmu ilmiah.

### **Dapatan Kajian Daripada Temubual**

Ternyata pelbagai rumusan temu bual yang didapati dan rata-rata 95% daripada mereka mahukan satu sukanan pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM yang baru dan lebih komprehensif, bertanggungjawab, serta dapat menarik atau ‘memasarkan’ mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini semula. Hakikatnya dapatan kajian daripada temu bual ini telah menunjukkan pakar-pakar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM ini sependapat perlunya satu strategi pengubahsuaian sukanan pelajaran ini iaitu dengan memasukkan kajian “Asas Pengenalan Sastera, Kritikan Sastera, dan Sejarah Perkembangan Sastera Melayu” di samping bidang kajian “Kesusasteraan Melayu Lama” dan “Kesusasteraan Melayu Baru”.

Mereka juga bersetuju pengkajian Kesusasteraan Melayu di peringkat STPM hendaklah lebih luas dan tidak hanya mengkaji teks semata-mata seperti peringkat SPM. Malah, teks-teks kajian juga harus mewarnai aspirasi negara dengan memuatkan unsur-unsur didaktik yang dapat mencabar pemikiran pelajar di tahap tingkatan enam. Malah, mereka merasa perlunya satu anjakan paradigma agar Kesusasteraan Melayu tidak terikut-ikut dengan panorama Kesusasteraan Inggeris hingga langsung mengabaikan aspek nasionalisme. Seolah-olah, setelah merdeka hampir 40 tahun kita masih ditakuk

lama yakni teraba-raba mencari identiti dan takut untuk berubah kepada jati diri Melayu Malaysia.

Bahkan, mereka juga bersetuju pembahagian genre yang luas dalam Sukatan Pelajaran Kesusteraan Melayu(922) STPM 1992-1997 ini merugikan pelajar kerana pilihan yang diberi akan menyebabkan pelajar berkemungkinan terabai mengkaji sama ada genre tradisional ataupun moden. Malah, terdapat pertindihan daripada genre-genre yang dikemukakan seperti dalam genre tradisional hingga teks-teks kajiannya juga langsung mengabaikan karya-karya Sasterawan Negara yang sudah diiktiraf dunia. Sebaliknya, memberi tempat yang cukup istimewa kepada karya-karya daripada Indonesia sedangkan di Indonesia sendiri, teks kita langsung tidak diberi sebarang keistimewaan.

#### **Penelitian, Penilaian, Dan Dapatan Kajian Terhadap Sukatan Pelajaran Kesusteraan Melayu(922) STPM 1992-1997**

Pengkaji mendapati pembahagian bidang kajian Sukatan Pelajaran kepada enam kertas adalah berorientasikan genre dan teks semata-mata, dan pembahagian yang sebegini mirip kepada pembahagian kajian dalam sukanan pelajaran Kesusteraan Inggeris. Bidang kajian yang sebegini hanya merupakan kajian aspek-aspek instrinsik atau yang tersurat sahaja, sementara aspek-aspek ekstrinsik yakni yang tersirat tidak diberikan penekanan yang sewajarnya.

Penelitian pengkaji mendapati kandungan dan format sukanan pelajaran Kesusasteraan Melayu seharusnya berbeza daripada Kesusasteraan Inggeris kerana matlamat pendidikan Kesusasteraan Melayu sepatutnya lebih berorientasikan pembinaan aspirasi negara. Ia perlu menanamkan semangat nasionalisme, mengiktibari nilai-nilai tamadun bangsa, dan mengetengahkan kepentingan negara melalui pendidikan kesusasteraan, dengan cara mengkaji sejarah perkembangan Kesusasteraan Melayu yang bertitik tolak daripada zaman paling awal mungkin. Bidang kajian Kesusasteraan Melayu STPM ini juga didapati sama dengan Kesusasteraan Melayu Sijil Pelajaran Malaysia(SPM), iaitu kajian yang berdasarkan kepada intipati teks semata-mata, yang berbeza hanyalah dari segi teks yang dipilih.

Sepatutnya, bentuk kajian Kesusasteraan Melayu STPM berperanan sebagai ilmu penghubung antara kurikulum SPM dengan kurikulum di peringkat universiti. Maka itu bentuk kajian di peringkat STPM semestinya lebih kaya daripada hanya mengkaji dan menghayati teks sahaja. Selain mengkaji teks, kurikulum STPM boleh merangkumi aspek-aspek yang lebih global seperti kajian tentang sejarah perkembangan kesusasteraan (termasuk tokoh-tokoh) dan teori-teori asas penghayatan dan kritikan. Dengan memahami ilmu yang umum ini sebagai asas dalam kajian dan penghayatan karya/teks, calon akan dapat meletakkan sesuatu karya itu ke dalam perspektif yang betul dengan melihat dan mengkaji latar pengarang, latar masyarakat, dan sejarah perkembangan kesusasteraan negara secara menyeluruh.

Walaupun, latar belakang sejarah, persekitaran sosial, dan nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan merupakan antara aspek-aspek kecil yang dikaji dalam sukanan

pelajaran yang sedia ada, namun didapati pelajar hanya mengetahui aspek-aspek itu bagi tiga genre sahaja; sedangkan untuk mendapatkan satu pengetahuan yang menyeluruh, pelajar perlu mengkaji keenam-enam genre itu.

Malahan, daptan kajian pengkaji mendapati bentuk peperiksaan sendiri telah membataskan kajian kepada tiga genre/kertas Kesusasteraan Melayu sahaja(termasuk Kertas 1). Oleh sebab bilangan teks yang boleh dikaji adalah terhad, maka pelajar hanya mengenali sebilangan kecil karyawan, sedangkan ramai lagi karyawan yang memberi sumbangsan yang sama penting dalam perkembangan kesusasteraan tanah air tidak diketahui oleh pelajar. Keadaan yang sebegini menyebabkan calon tidak dapat melihat Kesusasteraan Melayu sebagai satu unit yang menyeluruh.

Pengkaji juga mendapati, Kertas 1 yang menjadi kertas wajib tidak memenuhi kriteria kertas wajib atas alasan yang berikut.

- (a) Bidang kajian Kertas 1 hanya tertumpu kepada kajian teks semata-mata dan dilabelkan pula sebagai Karya Agung, iaitu mengkaji teks Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah. Ternyata, Karya Agung tidak sepatutnya terbatas kepada genre sastera lama, ia harus juga meliputi genre sastera moden.
- (b) Kertas wajib seharusnya meliputi suatu badan ilmu tentang Kesusasteraan Melayu yang lebih menyeluruh(global) seperti memasukkan juga kemahiran dan ketrampilan khusus seperti asas pengenalan sastera, perkembangan sejarah sastera Melayu, penghasilan esei kreatif, dan juga kritikan sastera.

Penelitian pengkaji juga mendapat kandungan kajian bagi Kertas 3(Sastera Lama II) mempunyai genre yang sama dengan Kertas 2(Sastera Lama I), iaitu tentang kajian sastera lama, dan pelajar dikehendaki mengambil salah satu daripada kertas-kertas itu. Oleh itu, kajian pembelajaran tentang sastera lama adalah tidak menyeluruh.

Juga, didapati kelaziman teks-teks yang digunakan dalam sukanan pelajaran pengajian kesusteraan dikaji selepas tiga atau empat tahun peperiksaan. Jadi penggunaan teks-teks kajian yang terlalu lama harus ditukar segera untuk mengelak risiko perulangan soalan peperiksaan dan pelajar sendiri merasa jemu. Dikesani juga, sesetengah teks edisi asal(ejaan lama) dalam sukanan pelajaran yang sedia ada sukar diperolehi oleh guru dan calon. Edisi yang mudah didapati di pasaran ialah edisi pelajar(ejaan baru). Oleh itu, edisi teks yang dinyatakan dalam sukanan pelajaran haruslah juga mengambil kira hakikat ini.

Ini disebabkan teks yang digunakan sekarang mungkin kurang menepati keperluan nasional dan pembentukan generasi yang mempunyai aspirasi kebangsaan(cintakan tanah air) atau soal Wawasan 2020, Kebangkitan Islam, Keadilan dan isu-isu negara yang membina tidak dijadikan landasan dalam pemilihan teks yang sedia ada. Malah, penekanan terhadap nilai-nilai murninya ternyata terlalu longgar. Penonjolan tokoh-tokoh sasteranya juga tidak boleh dijadikan iktibar kerana keterbatasan bilangan teks yang boleh dikaji dalam sukanan pelajaran. Sampel teks yang dipilih sepatutnya mengambil kira kepentingan negara di samping memuatkan pilihan karya yang terbaik daripada pelbagai tokoh.

Pengkaji juga mendapati kandungan bagi sesetengah teks yang terpilih dalam kertas-kertas tertentu tidak sesuai dikaji di peringkat STPM antaranya;

- (a) Kertas 1, teks Sejarah Melayu versi W.G. Shellabear adalah versi lama yang telah dikritik dan dikaji semula oleh sarjana tempatan tentang kelemahannya dan penyalinan semula yang tidak tepat.
- (b) Kertas 4(Puisi Baru) dan Kertas 5(Prosa Baru) masih memasukkan kajian teks Indonesia seperti antologi puisi *Nyanyi Sunyi* dan novel *Salah Asuhan*. Ini merugikan karya-karya besar tempatan yang mendapat pengiktirafan dunia tetapi tidak diberikan tempat.
- (c) Teks untuk genre sastera sejarah(Kertas 3) melalui *Hikayat Merong Mahawangsa* didapati bertindih dengan teks *Sejarah Melayu* dalam Kertas 1(masih kajian genre sastera sejarah).
- (d) Kertas 5 mempunyai antologi cerpen *Debu Merah* yang tidak sesuai untuk kajian para pelajar kita kerana adanya unsur-unsur yang kurang murni seperti cerpen *Nafsu*, cerpen *Kahwin Kerekot Tiga-tiga*, dan lain-lain.

Bahkan, sejak sukanan pelajaran Kesusastraan Melayu ini digunakan dalam peperiksaan, iaitu dari tahun 1992, pengkaji mendapati Kertas 3 kurang mendapat sambutan daripada pelajar. Bilangan pelajar yang mengambil kertas ini tidak ramai, maka pengkaji mendapati ia pasti membebankan pihak yang mengurusnya iaitu MPM dari segi kos bagi mengadakan kertas berkenaan seperti pemeriksaan dan pengawasan kerana sudah pasti ia tidak setimpal dengan manfaat yang diperolehi.

## Dapatan Kajian Berkenaan Prestasi Calon

### Kertas 1 (Karya Agung)

Pada amnya, secara keseluruhan, calon telah berjaya memberikan jawapan yang baik pada soalan yang berbentuk pecahan, konteks, dan langsung. Calon juga dapat menjawab dengan memuaskan pada soalan-soalan yang menguji ingatan dan penguasaan fakta. Rata-rata secara am prestasi calon untuk Kertas 1 ini, berada pada tahap sederhana sahaja. Ini disebabkan ketiadaan perancangan jawapan yang teratur dan terkawal. Oleh itu, jawapan yang berhasil tidak tersusun dan tidak kemas. Sebab lain yang turut menjelaskan mutu jawapan calon ialah

- (a) kurang pengetahuan dari sudut teori dan sejarah sastera, terutamanya yang dasar dan penting,
- (b) hujah yang tidak teratur dan tidak tepat kerana kurang pemikiran yang kreatif,
- (c) penyusunan idea dan fakta kurang jelas dan tidak sistematik,
- (d) teknik pengungkapan isi jawapan yang tidak teratur dan kurang berkesan, dan
- (e) banyak calon tidak dapat membezakan dengan tepat kandungan *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu*, hasilnya isi mereka bercampur aduk.

### Kertas 2 (Sastera Lama I)

Pada amnya, secara keseluruhan, pendekatan menjawab, khususnya bagi soalan-soalan yang bukan petikan atau konteks tidak disusun dengan kemas. Calon juga tidak

begitu teliti tentang konsep dan istilah-istilah yang dikemukakan, malah pemahaman yang menyeluruh tidak diberatkan oleh calon. Kelemahan calon ketara dalam aspek perbincangan, berhujah, dan penghuraian. Ini ditambah dengan kurangnya penguasaan calon dalam teks kajian yang diwajibkan. Rata-rata calon masih kurang mampu berhujah dengan baik sebaliknya memberikan contoh semata-mata. Huraian kepada fakta juga kurang lengkap dan bernalas. Ini menyebabkan calon kurang kemas merancang jawapan dengan baik. Ada definisi soalan kurang dijelaskan oleh calon dengan memuaskan. Malah, ada aspek-aspek tertentu yang perlu diketahui pelajar tetapi hambar. Calon juga harus menguasai fakta serta teks kajian secara mendalam. Malah, calon harus dapat menggunakan istilah-istilah sastera yang khusus dan rujukan contoh yang terdapat dalam teks.

### Kertas 3 (Sastera Lama II)

Pada amnya, secara keseluruhan, calon didapati tidak merancang jawapan mereka dengan baik. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat mengawal arah tuju jawapan yang sepatutnya dikemukakan. Ada pula sebahagian kecil calon tidak menjawab dalam bentuk eseи, tetapi mengemukakan jawapan dalam bentuk catatan atau nota. Hasilnya, jawapan mereka kurang kemas dan ada fakta yang tidak berkaitan antara satu sama lain. Antara sebab-sebab mengapa tahap calon kurang memuaskan adalah seperti berikut.

- (a) Hujah yang dikemukakan tidak teratur dan sebahagiannya tidak tepat atau kurang kreatif.

- (b) Corak, masa, dan daya pemikiran calon kurang berbentuk analisis dan tidak bersandarkan kepada sebab musabab mengapa sesuatu itu terjadi atau berlaku.
- (c) Kurang penguasaan dalam konsep, teori, dan kritikan sastera.
- (d) Kurang menguasai dan menganalisis teks yang diwajibkan.

Namun demikian, rata-rata kedapatan juga sebahagian calon berjaya mengungkapkan beberapa makna daripada petikan teks yang diberi. Penghuraian sebahagian calon lain juga rata-ratanya memuaskan dan dapat memberikan contoh-contoh yang sesuai. Namun begitu, calon masih perlu meneliti tugasannya agar jawapan yang diberi tidak mengandungi penjelasan yang berulang-ulang dan kurang menarik.

#### **Kertas 4 (Puisi Baru)**

Pada amnya, secara keseluruhan, calon kurang menampilkan jawapan yang baik dari segi pemahaman fakta. Begitu juga dengan perancangan jawapan calon masih belum memuaskan, ini kerana terdapat penyampaian jawapan yang meleret dan berulang-ulang. Kelemahan ketara calon ialah bertitik-tolak dari konsep atau istilah. Rata-rata calon masih dapat mengemukakan fakta tetapi penyampaian jawapan kurang jelas, kurang lengkap, dan kurang mantap terutamanya dari segi huraian dan contoh yang kurang jelas. Namun demikian, masih ada sebahagian calon dapat mengemukakan fakta dengan memuaskan. Malah, dapat menghayati sajak-sajak yang diberi dengan menghuraikan isi

dasar sajak dengan baik. Penelitian calon terhadap konsep atau istilah puisi masih perlu dihalusi.

#### **Kertas 5 (Prosa Baru)**

Pada amnya, secara keseluruhan, calon dapat menguasai dan memahami teks kajian dengan baik. Calon juga dapat memberikan isi, huraian, dan contoh-contoh yang sesuai. Calon juga berjaya mengemukakan hujah-hujah dan fakta tanpa bergantung semata-mata kepada petikan yang diberi. Namun demikian, mutu jawapan calon dan perancangannya tidaklah begitu memuaskan seperti yang diharapkan. Ini mungkin disebabkan penguasaan dan pemahaman teks yang diwajibkan adalah dangkal. Malah, tiada perancangan dalam cara mengutarakan jawapan. Sebahagian besar jawapan yang dikemukakan tidak dihurai mengikut aras kehendak soalan. Mereka menjawab menurut apa yang diketahui tentang sesuatu perkara tanpa mengambil kira sama ada jawapan itu relevan atau tidak dengan tugas. Kegagalan meneliti kehendak soalan juga telah menyebabkan ada jawapan calon yang terpesong. Dari aspek menghurai atau menganalisis sesuatu isi atau fakta, ada jawapan yang kurang sistematik dan terdapat pengulangan. Penerapan penggunaan bahasa yang baik juga kurang memuaskan sama ada dari segi struktur ayat atau makna. Calon juga gagal meneliti konsep dan istilah yang diutarakan. Calon juga cenderung untuk membaca teks-teks tertentu sahaja kerana ada pilihan yang diberi tetapi masih tidak menguasainya dengan baik kerana contoh-contoh yang dikemukakan tidak jelas.

**Kertas 6 (Drama)**

Pada amnya, secara keseluruhan, calon kian mantap memahami serta menghayati teks kajian. Calon juga rata-rata dapat memberikan kaitan antara fakta dengan contoh. Calon juga lebih teliti dan berhati-hati dalam mengemukakan jawapan, fakta, dan huraian yang relevan. Namun demikian, rata-rata sebahagian besar calon masih memberikan jawapan yang tidak sistematik dan tidak dirancang. Calon tidak membaca soalan dengan teliti, sebaliknya cuba memberikan jawapan yang samar-samar atau sipi. Calon gagal mengemukakan jawapan yang baik dan rata-rata memberikan jawapan yang ringkas, dan tidak mengandungi isi (fakta) atau tiada contoh dan huraian yang jelas. Jawapan calon lebih bercorak sinopsis. Ada juga calon yang mengemukakan sesuatu yang berlebihan (menyimpang) tanpa perancangan, bahkan mencampuradukkan nama-nama watak antara ketiga-tiga teks dalam kertas ini. Kebanyakan calon tidak meneliti kehendak soalan. Malah, ada juga calon yang mengabaikan bahagian pecahan yang wajib dijawab semua. Ini disebabkan calon tidak mendalami teks-teks kajian yang diwajibkan dengan memuaskan dan rata-rata ramai calon yang bergantung sepenuhnya kepada petikan yang diberi sahaja. Ada juga calon yang tidak mengambil kira faktor masa hingga jawapan bagi dua soalan akhir telah dijawab agak umum dan ringkas. Ramai juga calon yang gagal mencari maksud atau definisi yang dikemukakan. Secara purata, calon cepat menerjah kepada pernyataan soalan sedangkan kehendak soalan tidak diteliti dengan tepat.

### **Dapatkan Kajian Berkenaan Respon Calon**

Pengkaji mendapati respon calon terhadap soalan-soalan peperiksaan yang dikemukakan dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu kelemahan dan kekuatan calon. Rata-rata secara amnya seperti berikut.

#### **Kelemahan Calon**

- (a) Calon gagal mengemukakan hujah yang bersifat perbincangan dan penyataan fikiran dengan memuaskan. Contoh: Kertas 922/1 Tahun 1995 Soalan No. 4: “Gambaran watak Hang Jebat dalam *Hikayat Hang Tuah* adalah lebih hidup dan wajar daripada gambaran watak Hang Tuah sendiri; penggambaran wataknya tidak dilebih-lebihkan oleh pengarang.” Bincangkan penyataan ini. (Lihat **Lampiran H**)

Atau Kertas 922/6 Tahun 1995 Soalan No. 6: *Atap Genting Atap Rumbia* dikatakan sebagai drama beraliran realisme dan berunsur komedi tetapi agak serius. (i) Bincangkan penyataan ini dengan merujuk kepada peristiwa-peristiwa yang berkenaan. (ii) Apakah motif pengarang mempersesembahkan *Atap Genting Atap Rumbia*? (Lihat **Lampiran H**)

- (b) Calon masih lemah dalam aspek perbandingan, dan ini sekaligus menyukarkan calon untuk merencanakan jawapan dengan teratur. Contoh: Kertas 922/1 Tahun 1997 Soalan No. 5: (i) Aspek latar merupakan antara yang terlukis dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Buatkan perbandingan dengan memberikan contoh-contoh yang jelas tentang aspek latar ini dari segi tempat, masa, dan masyarakat dalam kedua-dua teks

tersebut. (ii) Berikan empat tujuan pengarang *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* memasukkan aspek-aspek latar dalam (i) di atas. (Lihat **Lampiran F**)

- (c) Calon kurang menguasai teks kajian yang diwajibkan. Contoh: Kertas 922/2 Tahun 1995 Soalan No. 4: "Sesebuah karya sastera biasanya mencerminkan masyarakat yang melahirkannya." Jelaskan pernyataan ini berdasarkan bukti-bukti yang terdapat dalam *Hikayat Panji Semirang*. (Lihat **Lampiran H**)
- (d) Calon kurang menguasai konsep, teori, dan kritikan sastera. Contoh: Kertas 922/6 Tahun 1996 Soalan No. 3: Dalam drama *Tok Perak*, pengarang menggunakan unsur "teknik plot" yang menimbulkan semacam kekeliruan kepada audien. Dengan memberikan contoh-contoh yang jelas, huraikan (i) maksud plot utama dan plot dalam plot drama ini, (ii) unsur plot yang mengelirukan audien, (iii) unsur *denouement* dalam drama ini. (Lihat **Lampiran G**)

Atau Kertas 922/5 Tahun 1995 Soalan No. 8: Dalam cerpen *Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan*, watak Muhammad Hasan digambarkan sebagai watak dinamik. Dengan berdasarkan cerpen ini, (i) jelaskan maksud dan fungsi watak dinamik, (ii) buktikan, dengan contoh-contoh yang jelas, bahawa watak Muhammad Hasan itu adalah watak dinamik. (Lihat **Lampiran H**)

- (e) Terdapat jawapan calon berbentuk singkatan, dan ini menjelaskan mutu jawapan calon. Contoh: dsb = dan sebagainya, dll = dan lain-lain, & = dan, 1,2,3,4,5,6 . . . (bentuk isi kandungan).

- (f) Terdapat calon yang mengabaikan arahan kertas soalan. Contoh: Arahan kepada calon untuk kertas 922/5: Kesusasteraan Melayu 5 (Prosa Baru) yang berbunyi "Jawab **empat** soalan sahaja: **dua** soalan daripada Bahagian A dan **dua** soalan daripada Bahagian B. Dua soalan daripada Bahagian A mestilah dijawab berdasarkan **dua novel yang berlainan**, dan dua soalan daripada Bahagian B mestilah dijawab berdasarkan **dua antologi cerpen yang berlainan**. (Lihat **Lampiran F, G, dan H**)
- (g) Terdapat calon yang mengemukakan jawapan dengan bahasa yang tidak gramatis, berbelit-belit, dan kebanyakannya berupa sinopsis sahaja.
- (h) Calon tidak meneliti kehendak soalan sebenar dengan mendalam, mencatat isi-isi utamanya dan meletakkannya mengikut kepentingan, dan tidak memikirkan cara menyusun penghujahan serta penganalisaan yang munasabah lagi berkesan.
- (i) Faktor peruntukan masa menjawab soalan perlu diambil perhatian. Ini disebabkan kebanyakan calon cenderung menjawab secara am dan hambar bagi soalan yang terakhir. Ini menjelaskan mutu jawapan dan markah calon bagi soalan itu.

### **Kelemahan Kendiri**

- (a) Kurang penguasaan teks kajian.
- (b) Mengabaikan arahan soalan (lazim berlaku rubrik). Contoh soalan-soalan kertas 922/5.

- (c) Jawapan dengan bahasa yang kurang gramatis.
- (d) Jawapan menggunakan singkatan yang tidak popular.
- (e) Tulisan ‘cakar ayam’.
- (f) Tiada perancangan dalam peruntukan masa.

### Kekuatan Calon

- (a) Calon dapat memberikan jawapan yang baik pada soalan yang berbentuk pecahan, konteks, petikan, dan langsung. Contoh: Kertas 922/1 Tahun 1997 Soalan No. 1: (i) Berdasarkan petikan *Sejarah Melayu* halaman 95 yang diberi, jelaskan **dua** perkara utama yang menggambarkan kebesaran kerajaan Melaka. (ii) Berikan **dua** perbuatan atau sifat rakyat yang menunjukkan kebesaran kerajaan Melaka dalam petikan di atas. (iii) Jelaskan **tiga** kesan pemaparan kebesaran kerajaan Melaka itu kepada pembaca. (Lihat **Lampiran F**)
- (b) Calon cenderung untuk memilih soalan yang menguji ingatan dan penguasaan fakta. Contoh: Kertas 922/5 Tahun 1997 No. 3: Huraikan dengan contoh-contoh yang sesuai, **tiga** watak yang berperikemanusiaan dan **dua** watak yang tidak berperikemanusiaan dalam novel *Daerah Zeni*. (Lihat **Lampiran F**)

### Syor Dan Langkah-langkah Pembaik Pulih Terhadap Respon Calon

- (a) Calon perlu mengamati kehendak soalan dan markah yang diperuntukkan bagi setiap pecahan soalan. Dengan cara ini calon boleh merancang dan merencana jawapan yang bersesuaian dengan ruang lingkup yang terkawal dan juga pengurusan masa yang lebih cekap. Calon perlu merencana faktor masa dengan bijaksana. Setiap soalan yang perlu dijawab membawa markah yang tersendiri. Jika calon gagal merancang masa yang sesuai bagi setiap soalan ia akan menjelaskan markah dan pencapaian calon sendiri. Calon sendiri menjawab soalan terakhir agak hambar dan dirumus dengan tergesa-gesa kerana perancangan faktor masa yang tidak sesuai itu.
- (b) Calon perlu kuasai teks kajian yang diwajibkan. Calon perlu asingkan watak-watak dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*, begitu juga dalam cerpen-cerpen yang diwajibkan serta teks-teks lain. Dengan cara ini calon berkemampuan lebih untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan tanpa kekeliruan.
- (c) Di peringkat STPM, petikan-petikan yang diberi atau pernyataan-pernyataan soalan yang diberi lebih merupakan rangsangan dan dorongan semata-mata. Calon perlu menjangkau dan menguasai petikan yang diberi dengan memahami ceritanya secara menyeluruh, iaitu sebelum dan selepas petikan yang diberi.
- (d) Calon perlu menguasai kesemua bidang kajian yang diwajibkan kerana soalan-soalan yang dikemukakan tidak semestinya stereotaip, ia boleh berupa perbandingan atau merujuk keseluruhan teks.

## Persoalan Dan Implikasi Terhadap Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu(922)

### STPM

Persoalan kini, apakah keputusan peperiksaan membawa makna prestasi dan respon calon Kesusasteraan Melayu(922) STPM benar-benar dapat membayangkan bahawa pelajar yang mendapat markah yang tinggi dalam kertas Kesusasteraan Melayu itu adalah seorang pelajar sastera yang berjaya mencapai matlamat dan objektif pembelajaran kesusasteraan? Adakah pelajar yang sama ini juga dapat menghargai nilai keindahan bahasa dan kesusasteraan lantas meminati karya-karya kesusasteraan? Sudah biasakah pelajar ini menghasilkan karya sastera yang setidak-tidaknya sepadan dengan kemampuannya? Atau mungkinkah pelajar hanya sekadar menghafal fakta-fakta yang terdapat dalam bahan kesusasteraan untuk diluahkan kembali dalam jawapan-jawapan yang diberikan?

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan objektif untuk lulus peperiksaan adalah tujuan utama pembelajaran kesusasteraan, di samping objektif-objektif lainnya seperti yang terkandung di dalam sukanan pelajaran. Ebel dan Frisbie,(1991) dalam bukunya *Essentials Of Educational Measurement* pernah menyatakan penilaian itu sesuatu yang menakutkan tetapi perlu dalam pendidikan. Ia adalah amalan yang sering dikaitkan dengan sesuatu yang tidak mesra dan mewujudkan ketegangan di kalangan pelajar. Apakah mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang ingin kita lahir tentang tahu nilai derita orang, gembira orang, kasih orang, dan lain-lain aspek afektif perlu sama menggerunkan dalam penilaiannya? Ia satu persoalan kerana kita perlu diingatkan bahawa salah satu aspek penting dalam kesusasteraan adalah aspek penghayatan. Adalah

dirasakan aspek ini telah terabai bukan sahaja dalam pembelajaran tetapi mungkin juga dalam ujian-ujian penilaian.(Mohd Fauzi bin Mohd Kassim, 1997) Faktor ini amat berkait rapat dengan pengajaran, khususnya yang ada hubungan dengan beberapa pendekatan yang telah dicadangkan untuk keberkesanannya pengajaran. Di antaranya ialah pendekatan struktural, pendekatan mengalami-menghayati, dan pendekatan berfokus.

Tidak dinafikan bahawa satu kajian yang dilaksanakan oleh Dr Mahzan Arshad dari Universiti Malaya terhadap pencapaian pelajar dalam ujian pemahaman bacaan kesusasteraan melalui 140 responden dari Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz, Shah Alam (lihat **Jadual 10**); beliau mendapati tahap 4 iaitu bahagian penghayatan kesusasteraan menunjukkan peringkat markah gagal yang tertinggi sekali iaitu 61.4% berbanding dengan tahap-tahap yang lain iaitu tahap literasi (harfiah) 21.4%, tahap inferensi 38.6% dan tahap penilaian 44.3%. Berbeza pula dengan peringkat markah cemerlang yang mana literasi (harfiah) menunjukkan tahap kecemerlangan yang tinggi iaitu 26.4% berbanding dengan tahap-tahap yang lain iaitu tahap inferensi 4.3%, tahap penilaian 7.9%, dan tahap penghayatan hanya 2.1% sahaja.

Maka itu, dapatan kajian pengkaji mendapati mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM 1992-1997 masih kekurangan dan ketara lompongannya di tahap penghayatan. Jadi, untuk menggerakkan pelajar-pelajar kita agar lebih kreatif dan mempunyai minda yang lebih terbuka, keminatan mereka haruslah dijuruskan ke arah pengajaran dan pembelajaran di tahap penghayatan.

**Jadual 10\***

**Taburan Peratus Dan Kekerapan Menunjukkan Pencapaian Pelajar Dalam Ujian Pemahaman Membaca Bahan Kesusasteraan Pada Tahap Soalan Yang Berbeza**

Peringkat markah		Taburan kekerapan dan peratus pelajar			
		Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4
Gagal	0 – 44%	21.4 (30)	38.6 (51)	44.3 (62)	61.4 (86)
Lulus	45 – 54%	17.9 (25)	20.7 (29)	18.6 (26)	15.7 (22)
Kepujian	55 – 74%	34.3 (48)	36.4 (51)	29.3 (41)	20.7 (29)
Cemerlang	75 – 100%	26.4 (37)	4.3 (6)	7.9 (11)	2.1 (3)
Jumlah		100.0 (140)	100.0 (140)	100.0 (140)	100.0 (140)
Min		59.186	49.429	46.229	39.257
Sisihan Lazim		19.267	18.052	20.685	18.840

**Nota:** Angka tanpa kurungan menunjukkan peratus  
Angka dalam kurungan menunjukkan kekerapan

Tahap 1 = Literasi

Tahap 2 = Inferensi

Tahap 3 = Penilaian

Tahap 4 = Penghayatan

\*Sumber: Mahzan Arshad, (1994). Pencapaian Pelajar Dalam Ujian Pemahaman Bacaan Bahan Kesusasteraan, *Jurnal Pendidikan*, Jilid 16, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Namun demikian, hari ini aras pengetahuan banyak mendapat tempat dalam mata pelajaran di sekolah mahu pun soalan-soalan peperiksaan dan ujian. Seolah-olah ia membawa analogi bahawa mata pelajaran Kesusasteraan Melayu itu diambil hanya untuk lulus peperiksaan semata-mata. Ini pastinya merugikan generasi berikutnya dan apabila

kecundang di dalam peperiksaan mereka ini berkemungkinan hilang punca di tengah-tengah masyarakat yang penuh persaingan dalam era globalisasi hari ini.

Pengkaji juga mendapati pendekatan struktural adalah lebih berjaya untuk memberikan pemahaman yang mendalam terhadap struktur-struktur yang membina karya sastera agar ia dapat meningkatkan apresiasi terhadap karya sastera. Ini kerana kajian sastera dalam pendekatan struktural bertitik-tolak daripada struktur dalam karya sastera itu sendiri yang merangkumi bentuk dan isi. Justeru itu, soalan-soalan dalam peperiksaan yang banyak struktur akan memberi kelebihan kepada pelajar-pelajar menghafal fakta atau cerita dalam teks sastera.

Manakala pendekatan mengalami-menghayati; pengkaji mendapati kekayaan pengalaman adalah perlu digunakan bagi menimbulkan perasaan nikmat dalam diri pelajar bagi menghayati teks sebagai hasil seni sastera. Ini kerana pembelajaran sastera seharusnya dapat melahirkan rasa nikmat meneliti karya-karya kreatif ini dalam satu kesatuan yang tersusun erat.

Maka itu, pengkaji mendapati, skop penilaianya haruslah juga merangkumi aspek-aspek asas pembelajaran iaitu kognitif, afektif, dan psikomotor. Hasil penilaian tersebut diharap dapat menggambarkan perkara-perkara berikut berlaku iaitu pencapaian pengetahuan, pembentukan minat, sikap, nilai, dan pembentukan perlakuan dari segi kebolehan amali serta psikomotor.

### **Aspek Penilaian Dalam Mata Pelajaran Kesusastraan Melayu**

Airasan(1997), dalam bukunya *Classroom Assessment* menyatakan guru boleh menggunakan dua pendekatan bagi mendapatkan maklumat tentang pencapaian pelajar dan hasil pengajaran mereka, iaitu menggunakan teknik kertas dan pensil serta teknik pemerhatian. Teknik kertas dan pensil merujuk kepada ujian, tugasan, menulis esei, dan melukis gambar; guru memeriksa tugasan-tugasannya tersebut bagi menilai tentang kemajuan atau salah faham pelajar secara individu dan keseluruhan pelajar. Teknik pemerhatian pula melibatkan guru memerhati aktiviti yang dihasilkan oleh pelajar, mendengar pertuturan seperti bacaan atau perbincangan tentang sesuatu tajuk, dan melihat tingkah laku pelajar tentang tumpuan pelajar ke atas sesuatu yang sedang dipelajari.

Sukatan Pelajaran Kesusastraan Melayu(922) STPM sendiri mempunyai matlamat dan objektif penilaianya yang tersendiri iaitu bukan sahaja menekankan pencapaian melalui kefahaman pelbagai nilai seperti nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan yang tercermin dalam karya-karya sastera, tetapi juga menitikberatkan penghayatan nilai-nilai itu sendiri. Soalnya, adakah sesuatu ujian bertulis boleh mengukur perkembangan atau pembinaan sikap atau nilai seseorang? Jawapannya “boleh” tetapi tidak lengkap.

Ujian bertulis hanya dapat mengukur komponen kognitif dalam sikap tetapi tidak dapat memperlihatkan komponen-komponen afektif dan perlakuan. Sama ada Kesusastraan Melayu telah dapat melahirkan murid-murid yang berminat terhadap

karya-karya yang bermutu masih tidak dapat ditunjukkan oleh markah yang tinggi dalam satu-satu ujian bertulis mengenai Kesusasteraan Melayu. Teras kepada sikap terhadap apa objek sekalipun adalah komponen afektifnya, salah satu daripada tiga komponen yang dikonsepsikan sebagai membentuk "sikap". Penilaian komponen afektif bagi Kesusasteraan Melayu dapat dibuat dengan melihat, memerhati, dan menilai dari segi bagaimana calon itu bergerak balas secara emosi terhadap Kesusasteraan Melayu, dan juga bagaimana dia mentafsirkan Kesusasteraan Melayu. Pemerhatian itu mestilah boleh menilai sejauh mana calon itu menunjukkan kegemarannya dan perasaannya terhadap Kesusasteraan Melayu. Tetapi tidaklah pula dinafikan di sini bahawa keamatan afektif seseorang terhadap Kesusasteraan Melayu juga bergantung kepada komponen kognitif, iaitu sebelum seseorang boleh menggemarki Kesusasteraan Melayu misalnya, dia mestilah harus terlebih dahulu mengenali dan mengetahuinya. Tetapi dalam komponen afektif ini, peranan kognitif adalah kecil.

Komponen kognitif dalam sikap terhadap Kesusasteraan Melayu adalah pengetahuan dan kepercayaan seseorang mengenai Kesusasteraan Melayu. Sungguhpun soalan-soalan yang dikemukakan dalam ujian bertulis bagi maksud penilaian dalam Kesusasteraan Melayu, mungkin menyoal secara langsung atau secara tidak langsung mengenai unsur-unsur sikap atau apa yang sebenarnya dapat dinilai daripada komponen kognitif sikap itu ternyata hanyalah sebahagian kecil daripada sikap keseluruhan terhadap Kesusasteraan Melayu.

Komponen lain dalam sikap seperti komponen perlakuan juga harus dirujuk kerana ia berkait kepada kecenderungan seseorang untuk bertindak atau melakukan sesuatu melalui tindakan fizikal atau percakapan, yang selari dengan unsur-unsur afektifnya terhadap objektif sikapnya itu tadi. Misalnya, jika seseorang pelajar sudah benar-benar menghargai nilai-nilai keindahan dalam Kesusasteraan Melayu, dia akan sentiasa membaca karya-karya yang ada sebaik sahaja berpeluang dan membincangkan apa yang baru dibaca. Jika pelajar ini benar-benar berminat menghasilkan sendiri karya yang bermutu, dia akan sentiasa cuba menulis untuk menghasilkan karya yang setanding dengan karya-karya yang bermutu, tiap-tiap kali mengikut kemampuannya pada sesuatu ketika. Jadi, untuk melengkapkan lagi penilaian sikap terhadap Kesusasteraan Melayu, adalah juga penting komponen perlakuan ini diambil kira.

Bagi ujian-ujian yang sumatif untuk Kesusasteraan Melayu, domain afektifnya dapat dilihat hanya sedikit daripada bagaimana calon-calon respon kepada soalan-soalan yang berkait dengan unsur-unsur afektif. Tetapi adakah penilaian domain afektif ini dapat dilihat secara berasingan daripada ujian yang sama itu? Pernahkah markah-markah calon ditafsirkan dari segi domain afektif ini? Tidakkah selalunya markah-markah itu diinterpretasikan dari segi rujukan norma sahaja?

Kesemua soalan ini merupakan masalah jika kita ingin benar-benar menilai komponen afektif dalam sikap terhadap Kesusasteraan Melayu. Di sinilah kita lihat pentingnya peranan guru di sekolah, yang boleh menilai dalam proses pengajaran-pembelajaran, bagi maksud membina pelajar-pelajar ke arah menemui objektif-objektif

pengajaran-pembelajaran yang terdapat di dalam sukanan pelajaran Kesusasteraan Melayu (922) STPM di sekolah menengah.

Untuk menuju ke arah ini penilaian formatif perlu sering dilakukan oleh guru-guru yang mengajar Kesusasteraan Melayu sebelum pelajar mengambil peperiksaan STPM. Pendekatan ini adalah dalam lingkungan penilaian berdasarkan sekolah. Guru-guru boleh memerhati dengan cara yang sistematik dan membuat rekod-rekod yang perlu untuk melihat sejauh mana pelajar-pelajar telah menghayati nilai-nilai Kesusasteraan Melayu yang dibaca dan dapat pula menanam semangat cintakan tanah air misalnya. Jika guru mendapati di kalangan pelajar semangat ini masih belum ada pada tahap yang diharapkan, maka gurulah yang harus bertindak untuk membuat sesuatu supaya menanamkan lagi semangat ini. Apa yang dimaksudkan ialah penilaian komponen afektif dan komponen perlakuan dalam sikap pelajar terhadap Kesusasteraan Melayu, dari segi penghayatan pelbagai nilai yang dapat disemai melalui Kesusasteraan Melayu adalah paling layak dilakukan oleh guru, dan lebih bererti dilakukan oleh guru, kerana proses ini sebenarnya membina pelajar-pelajar ke tahap yang dikehendaki. Penilaian akhir yang sumatif dan terpusat dalam bentuk peperiksaan, lebih menunjukkan kejayaan murid dalam domain kognitif dalam Kesusasteraan Melayu, dan tidak boleh memerihalkan ciri-ciri murid dalam domain afektifnya.

Dalam konteks inilah penilaian pembelajaran unsur-unsur Kesusasteraan Melayu oleh pelajar di sekolah itu perlu dibuat secara berterusan. Interaksi antara guru dengan pelajar mengenai aspek-aspek Kesusasteraan Melayu haruslah kerap dilakukan. Satu

rekod penilaian berterusan untuk melihat perkembangan dan kemajuan pelajar dalam penghayatan dan amalan unsur-unsur nilai yang ditekankan dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini perlulah diadakan oleh para guru yang mengajar mata pelajaran ini.

### Rumusan Dapatan Kajian

Berdasarkan penjelasan di atas, pengkaji mendapati, dapatan kajian menjurus bahawa sukanan pelajaran Kesusasteraan Melayu (922) STPM 1992-1997 haruslah dirombak secara menyeluruh dari segi kandungan, format kertas, dan bentuk peperiksannya ke arah bercirikan keperluan dan acuan bangsa Melayu. Rombakannya harus sama dapat menarik sama ada orang yang terlibat langsung dengan minatnya terhadap Kesusasteraan Melayu atau yang masih berjinak-jinak mahupun yang ingin mencuba, terus sahaja tertarik dan terangsang untuk mendekati mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini. Walau pun, trend semasa dapat diikuti tetapi jika ia terus diremehkan hanya untuk lulus peperiksaan maka mata pelajaran ini akan berada ditakuk lama iaitu diambil kerana faktor-faktor yang sama oleh generasi dahulu. Maka matlamat jangka panjangnya untuk melahirkan insan yang sama menghayati nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan; domain afektifnya perlulah ditekankan. Caranya, dengan penilaian berasaskan sekolah. Model penilaian domain afektif ini boleh sahaja disusun dan dirangka oleh pakar-pakar penilaian tanah air sendiri.

Dapatan kajian juga mendapati teks-teks kajianya tak perlu tunggu lima tahun baru hendak ditukar kerana perulangan soalan peperiksaan boleh sahaja berlaku atau tiada nilai penghayatan yang lebih mendalam oleh tenaga pengajarnya maka lemahlah

juga calon-calon yang bakal mengambil mata pelajaran ini. Ini disebabkan Kesusasteraan Melayu adalah bercirikan penghayatan dan teks kajiannya perlu dapat merangsang ke arah penghayatan barulah matlamat jangka panjangnya akan terhasil. Kelemahan aspek penghayatan ini telah dibuktikan begitu membimbangkan kerana calon terus menerjah soalan-soalan yang berbentuk harfiah maka timbul persoalan adakah yang cemerlang dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini adalah generasi yang menghayatainya yakni yang sama dapat akhirnya menghayati derita orang, sama menitiskan air mata atas kesengsaraan orang, dan sebagainya.

Selain itu, dapatan kajian juga mendapati penilaian dalam domain afektif perlu ada garis panduan yang standard dan selaras oleh semua sekolah, dan dalam masa yang sama diberikan kredit oleh pihak MPM sendiri seperti pemeriksa-pemeriksa MPM yang lain agar beban yang dilonggokkan kepada guru mempunyai nilai penghargaan dan ‘berbudi bahasa’.

Apa juga rumusan yang didapati, memang adakekangan tetapi ia tidak semestinya tidak boleh diatasi. Yang nyata, ialah kekangan dari segi kepakaran guru dalam aspek pengujian dan penilaian. Sebahagian besar guru tidak terlatih secara mendalam mengenai teknik dan metodologi yang berkait dengan mereka bentuk alat penilaian domain afektif apatah lagi dalam bidang kesusasteraan. Walaupun aspek pengajaran kesusasteraan disentuh secara modul-modul tertentu dalam program pendidikan guru tetapi untuk mereka ciptanya kita memerlukan guru-guru terlatih

mengenai teknik-teknik dalam membentuk alat-alat penilaian dan pengujian dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) STPM sekurang-kurangnya di peringkat asas.

Walaupun ada andaian yang mengatakan bahawa dari segi ujian dan peperiksaan Kesusasteraan Melayu(922) adalah tidak objektif seperti bidang Matematik dan Sains, namun demikian dari segi pengujian dan penilaian, bidang ini masih boleh dianalisis seperti yang pengkaji nyatakan tidak mustahil iaitu berdasarkan peringkat sekolah untuk domain afektif dan psikomotor dan berdasarkan peringkat peperiksaan awam seperti sekarang ini iaitu peperiksaan STPM untuk domain kognitif. Jika ini dapat dipraktiskan untuk pendidikan Kesusasteraan Melayu(922) STPM, pengkaji mendapati ia berupaya menggalakkan pelajar-pelajar membuat renungan mengenai dirinya, masyarakatnya, dan persekitarannya. Di samping itu juga pendidikan Kesusasteraan Melayu(922) langsung akan menggalakkan penerokaan dan pembentukan nilai sikap dan emosi yang stabil serta positif di dalam diri pelajar tanpa langsung mengabaikan kemantapan kognitif dan mental mereka secara keseluruhannya. Apa yang jelas ialah satu keberanian untuk melangkah perubahan yang baik kerana formula yang terdahulu ternyata banyak kekurangan. Kenapa tidak berubah ke pentas yang baru? Tambahan dalam alaf baru dengan teknologi yang canggih tentulah Kesusasteraan Melayu tidak mahu dilihat masih ketinggalan kerana sebagai contoh, pengkaji mendapati genre puisi boleh sahaja kita dengar deklamasinya dengan melayari laman web, genre drama boleh sahaja kita dipertonton dengan melayari laman web, gambar-gambar pahlawan Melayu, tokoh-tokoh sastera, dan Sasterawan Negara boleh sahaja juga dilayari dengan laman web. Malah, dalam satu kajian yang dilakukan oleh Prof. Madya Dr. Zulkifli A. Manaf(1998) dari Universiti Malaya dalam

kertas kerjanya “Realiti Penggunaan Inovasi Dalam Pengajaran Di Kalangan Guru Sekolah Menengah” mendapati realiti inovasi ini amat menggalakkan; guru-guru sanggup mencubanya jika ia baik iaitu 65.3% dan hanya 1% sahaja yang menyatakan tidak mahu mencuba langsung.

Jadi, bertitik tolak dari sinilah, pengkaji mendapati Kesusasteraan Melayu tidaklah ketinggalan kerana kita berada di mana-mana sahaja dan amat diperlukan; seperti kata Prof. Tan Sri Dato' Awang Had Salleh di *Seminar Sastera Dalam Pendidikan* pada tahun 1989 yang berbunyi,

“Dalam keghairahan orang memperkatakan tentang sains dan teknologi ada semacam kecenderungan untuk menganggap sastera sebagai pengikat kaki kita yang ingin berkejar ke sana. Patut kita katakan kepada mereka bahasa sastera adalah di antara teknologi terawal yang dicipta manusia. Sastera tidak pernah gagal, di mana-mana pun, memperbaharui zamannya. Ia tidak pernah ketinggalan. Acap kali manusialah yang ketinggalan olehnya atau malah ditinggalkannya.”